

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR UiTM
YANG BERBAHAGIA
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH JANOR**

SIDANG KE-9 (PETANG)

**ISTIADAT KONVOKESYEN KE-96
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR UiTM
SHAH ALAM**

24 MEI 2023 (RABU)

Terima kasih Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.

**ALHAMDULILLAHI ROBBIL ‘AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA ‘ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA’IN.**

- Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para Ibu Bapa, Penjaga dan Graduan yang dihormati
sekalian.

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera.***

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita semua dapat bersama di dalam **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-96**. Selamat datang saya ucapkan kepada ahli keluarga para graduan ke **Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam**.

2. **Sidang ke-9** ini, akan menyaksikan penganugerahan Ijazah Sarjana, Sarjana Muda serta Diploma kepada **1,101** graduan daripada **Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (K.P.P.I.M)** serta **Kolej Pengajian Kejuruteraan (K.P.K)**.

3. Secara purata, peratusan graduan **Tamat Pengajian Dalam Tempoh** bagi program Sains Komputer dan

Matematik, program Sains Pengurusan Maklumat serta program Kejuruteraan Kimia ialah **89%**.

4. Tahniah diucapkan kepada para graduan atas hasil usaha dan dedikasi sehingga berjaya menamatkan pengajian. Syabas diucapkan kepada ibu bapa dan penjaga yang turut sama memainkan peranan dalam kejayaan ini. Tidak dilupakan, tenaga akademik dan pentadbir UiTM yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan graduan.

Hadirin yang dihormati,

5. Matlamat utama UiTM adalah memastikan graduan mendapatkan pekerjaan seawal 6 bulan pertama selepas bergraduasi. Peraturan kebolehpasaran graduan terkini bagi program Sains Komputer dan Matematik,

mencatatkan **89.8%**, program Sains Pengurusan Maklumat **82.4%** dan program Kejuruteraan Kimia ialah **93.7%**.

6. Baru-baru ini juga, UiTM telah menerima **Anugerah Universiti Pilihan Majikan** melalui **Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan** oleh **Talentbank**. UiTM telah menerima **6 Bintang** dalam bidang Pengkomputeran dan I.T., serta **5 Bintang** dalam bidang Kejuruteraan Kimia.

7. UiTM juga tersenarai dalam **QS World University Rankings by Subject 2023**, yang mana subjek Sistem Komputer dan Sistem Maklumat berada dalam kedudukan **650 terbaik dunia**.

Para hadirin sekalian,

8. Pada tahun lepas, UiTM telah melancarkan tema ***Kompetensi Global*** yang berfokus kepada usaha meningkatkan kompetensi pelajar dalam semua kemahiran yang diperlukan oleh majikan. Sehubungan dengan itu, Universiti telah memperkukuhkan jalinan kerjasama strategik menerusi program pembangunan seperti *upskilling* dan *finishing school*.

9. Secara keseluruhan, hampir **300 Perjanjian Persefahaman** yang telah dizahirkan menerusi inisiatif ini. Antaranya bersama **Jabatan Perangkaan Malaysia,** **Zurich Takaful Malaysia Berhad,** **National Autism Resource Centre,** **Aeon Mall,** **Universitas Padjadjaran Indonesia,** **Kyoto University,** **Jepun,** **University of**

Manchester, U.K dan Institute of Electrical Electronics Engineering, U.S.

10. Hasil kerjasama tersebut, pelbagai projek dan aktiviti telah dilaksanakan bersama seperti Perbincangan Meja Bulat bersama Malaysian Takaful Association, Kempen Pengurusan Ekosistem Sisa Kasut, i-Hack 2022, Pertandingan E-Sport, Talent Hunt, dan Awareness on Rare Disease and Mental Health.

11. Selain itu, kolaborasi penyelidikan juga dijalankan bersama rakan strategik yang mana K.P.P.I.M telah memperoleh dana penyelidikan berjumlah hampir **10 juta Ringgit Malaysia**. Dana ini telah digunakan untuk menerajui bidang Data Raya, Sains Maklumat, Informatik Kesihatan dan Sandbox Digital.

12. Bagi K.P.K pula, dana penyelidikan yang diperolehi berjumlah lebih 20 juta Ringgit Malaysia turut memberi impak dalam bidang kejuruteraan.

13. Kemenjadian graduan juga dapat dilihat melalui pencapaian mereka. Misalnya, pelajar K.P.P.I.M iaitu **saudara Iman Irfan Hishamudin** telah menjuarai pertandingan **PwnTillDawn Online Battlefield's South East Asia** anjuran **Wizlynx Group, Switzerland**. Turut membanggakan, **saudara Ahmad Haadzal Kamarulzalis** telah dianugerahkan sebagai **Tokoh O.K.U Muqarrabun Negeri Kelantan: Tokoh Akademik Penglihatan**. Manakala pelajar K.P.K iaitu **saudara Muhammad Zakri Izaac** telah menerima **Student Excellence Award** oleh **Malaysian Society for**

Engineering & Technology (MySET). Satu pencapaian yang amat membanggakan. Tahniah diucapkan.

14. Saya yakin, para graduan juga mampu menjadi *Captains of Industry* yang akan membantu dalam meningkatkan sosio-ekonomi negara. Antara *Captains of Industry* yang tidak asing lagi ialah **Datuk Kamarudin Meranun**, Pengerusi dan Pengasas Bersama AirAsia, **Dr. Ghazali Mohd Fadzil**, Pengerusi Persatuan Pustakawan Malaysia. Seterusnya, **Dato' Wan Nazri Wan Aria** merupakan salah seorang jurutera yang pernah berkhidmat di Firma Kejuruteraan, Jerman serta terlibat dalam menganalisis struktur keluli dan muka bangunan komposit Menara Jam Diraja Mekah. Manakala, **Encik Zuraimi Isa** merupakan jurutera yang terlibat dalam projek mengubah kawasan gurun kepada ladang yang

subur untuk tanaman ladang gandum, jagung dan barli di
Negara Sudan.

Graduan yang dikasihi sekalian,

15. Jangan dilupa, bahawa kejayaan kita hari ini sebahagian daripada sokongan dan usaha gigih ibu bapa, penjaga dan keluarga. Justeru, berusaha menyumbang jasa dan merealisasikan harapan mereka.

16. Sekali lagi saya ucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua graduan. Semoga para graduan terus cemerlang dan dapat menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara.

17. Akhir kata, izinkan saya sudahi ucapan ini dengan serangkap pantun:

Berwarna-warni bunga melati

Jadi jambangan dalam belanga

Graduan UiTM berbudi pekerti

Jadi harapan kebanggaan keluarga;

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.